

Newspaper	Berita Harian
Date	21 January 2016

## Adenan jumpa Najib hampir 2 jam

BH - 21/1/2016



Najib Razak

**Putrajaya:** Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem mengadakan pertemuan hampir dua jam dengan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Beliau dilihat memasuki bangunan itu pada jam 4 petang, diiringi beberapa kenderaan sebelum keluar pada jam 5.50 petang.

Difahamkan, pertemuan itu bagi membincangkan perkara berhubung penurunan kuasa Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri.

Bagaimanapun, usaha media mendapatkan maklumat lanjut pertemuan itu tidak berjaya apabila kenderaan rasmi yang membawa beliau tidak berhen-

ti ketika cuba ditahan di hadapan bangunan berkenaan.

Sebelum ini, Adenan dilaporkan berkata akan berjumpa Perdana Menteri bagi menyelesaikan perkara berkaitan mekanisme penurunan kuasa kepada kerajaan Sarawak.

Adenan juga dipetik sebagai berkata, Sarawak mahu dikembalikan kuasa pentadbiran yang pernah dimilikinya dan diambil Pusat memandangkan ia penting bagi pembangunan negeri itu, khususnya untuk penduduk di luar bandar.

Difahamkan, Adenan turut membangkitkan mengenai peningkatan royalti minyak kepada Sarawak memandangkan kadar lima peratus sekarang dianggap terlalu kecil.



Adenan Satem